

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelas markah-markah penilaian diperoleh oleh Ericsson, Huawei, ZTE, Cisco, NEC, Nokia, Samsung dan FiberHome mengikut kategori teknikal, komersial dan sosioekonomi dalam tender 5G.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada semakan dokumen tender, syarikat-syarikat yang disebut oleh YB Sibu iaitu Huawei, Cisco, NEC dan Samsung tidak mengambil bahagian di dalam tender 5G sebagai pembida utama. Markah-markah penilaian tender 5G tidak boleh dinyatakan atas dasar kerahsiaan dalam tender yang telah dijalankan, seperti mana termaktub di perenggan B.4 *Tender Governance*, dengan izin, yang menyatakan dengan jelas semua maklumat, butiran dan/atau lukisan berkaitan tender adalah diklasifikasikan sebagai sangat terperingkat dan rahsia.
2. Untuk makluman YB juga, proses penilaian tender telah dilaksanakan secara telus dari bulan Mei hingga Jun 2021 berdasarkan nasihat daripada firma perunding antarabangsa Ernst & Young Consulting Sdn Bhd, dan melibatkan lebih daripada 50 para profesional industri dan pakar bebas daripada lebih 10 buah negara.
3. Di dalam proses penilaian tender tersebut, tiga kriteria iaitu teknikal (55%), komersial (30%) dan sosio-ekonomi (15%) telah ditetapkan untuk menentukan pembida yang berjaya. Ericsson telah dipilih sebagai pembida yang berjaya setelah mendapat penilaian tertinggi bagi ketiga-tiga kriteria yang ditetapkan di dalam proses penilaian tender tersebut.

Sekian, terima kasih.